

16 MAR 2003

Jamaludin-Tioman

TELEKOM BINA PEMANCAR GELOMBANG RM1.3 JUTA DI PULAU TIOMAN

PULAU TIOMAN, 16 Mac (Bernama) -- Telekom Malaysia Berhad memperuntukkan RM1.3 juta bagi membina sebuah pemancar bergelombang di Kampung Mukut, Pulau Tioman, dalam usaha merencanakan lagi pembangunan ekonomi penduduk setempat yang berteraskan industri pelancongan itu, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

Katanya projek berkenaan akan dilaksanakan pada tahun ini dan dijangka siap penghujung tahun ini juga.

"Kemudahan infrastruktur yang disediakan ini bukan sahaja boleh digunakan untuk tujuan komunikasi malahan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat setempat yang berteraskan industri pelancongan.

"Industri pelancongan sekarang ini memerlukan teknologi maklumat seperti internet, ramai pengusaha rumah tumpangan di sini perlukan kemudahan untuk memajukan perniagaan mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Jeti Kampung Juara di sini.

Majlis perasmian jeti berharga RM3.2 juta itu disempurnakan oleh Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah.

Dr Jamaludin, yang juga Anggota Parlimen Rompin berkata kerajaan negeri Pahang turut memperuntukkan sejumlah RM15 juta bagi projek pembinaan jalan raya yang menghubungkan Kampung Tekek ke Kampung Juara sebagai laluan alternatif semasa musim tengkujuh.

Beliau berkata kerajaan telah menyediakan peruntukannya dan projek berkenaan akan dilaksanakan secepat mungkin.

Selain itu, Dr Jamaludin berkata kerajaan juga masih mempertimbangkan cadangan untuk membina sebuah lapangan terbang baru di pulau pelancongan terkemuka itu bagi menggantikan lapangan terbang sedia ada.

"Kerajaan mempunyai dua pilihan sama ada membaikpulih lapangan terbang yang lama atau membina lapangan terbang baru dengan menutup lapangan terbang yang lama," katanya.

Pulau Tioman, dengan keluasan 13,360 hektar, terletak 36 batu nautika dari Tanjung Gemok, Rompin, diumumkan sebagai pulau bebas cukai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Januari tahun lepas.

-- BERNAMA

LIB MS ROS